menganam-nya mengikut dasar perkembangan pertanian kebangsaan negeri ini. Saya rasa itu amat-lah berguna, Tuan Yang di-Pertua, daripada membuat research sa-mata² untuk sebab² academic. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal penyiasatan ini saya fikir di-antara perkara² yang patut di-jalankan penyiasatan ia-lah berkenaan dengan makanan² yang sa-hari² yang hendak di-makan oleh bangsa kita. Tuan Yang di-Pertua, banyak orang yang bekerja sawah saya perhatikan meninggalkan tanah bendang-nya, dia tidak dapat menggunakan tanah-nya, dia tidak tahu apa patut buat waktu tanah sawah itu tidak di-jalankan perusahaan bersawah-nya lagi. Tuan Yang di-Pertua, dalam Research Branch ini dahulu daripada-nya, saya perchaya Yang Berhormat Menteri Pertanian tentu-lah telah mempunyai hasil² research. Jadi saya berharap Cater Research ia-itu hasil² penyelidikan yang kena-mengena dengan amalan hidup ra'ayat di-keluarkan sa-banyak²-nya, sebab apa saya kata begitu kerana ini sangat mustahak kepada ra'ayat, kerana pada fikiran saya Cater Research yang saya maksudkan ini ia-lah bahawa di-buat research berkenaan dengan satu jenis tanaman—satu²—dan umpama-nya, bersangkutan dengan pisang, bersangkutan dengan ubi, menanam buah²an dan ini di-jadikan bulletin, erti-nya apabila ada ra'ayat yang bertujuan hendak menanam sa-suatu, maka dapat-lah nasihat yang penoh berkenaan dengan-nya; ini lebih baik daripada General Research dalam semua perkara yang sedikit tentang ini dan sedikit tentang itu, sa-kian, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, dalam Research ini juga saya suka mendapat keterangan yang lebih lanjut berkenaan dengan perkara rachun lalang (sodium arsenite), perkara ini saya telah mendatangkan pertanyaan dan mendapat jawapan-nya daripada Menteri yang berkenaan. Tetapi saya rasa dukachita pada perkara sodium arsenite ini yang telah di-putuskan oleh Majlis Mesuarat Negeri Sembilan lebih kurang 3 tahun dahulu, dan pehak Kementerian menjawab-nya—

ia-itu Kerajaan sedang menyiasat—supaya sodium arsenite itu akan dilarang menggunakan dalam Tanah Melayu ini untuk merachun lalang, kerana menurut figures kemalangan kematian kerbau, lembu dan kambing banyak sangat, dan sakira-nya perkara ini ta' dapat di-jalankan dengan segera-nya harus banyak di-antara binatang² atau haiwan ini akan dapat kemalangan yang banyak lagi.

Rasa saya dalam perkara Research ini-lah tempat-nya yang akan menyelidek berkenaan rachun lalang atau sodium arsenite ini, saya berharap benar supaya masa-nya sudah 3 tahun—berjalan, dan sunggoh pun ada jawapan di-sini yang mengatakan : menggunakan sodium arsenite itu hendak-lah mendapat kebenaran daripada pihak Jabatan Kesehatan.

Mr. Speaker: Nampak-nya sudah keluar daripada Përoran, saya hendak meneror.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Saya minta jawab . . .

Mr. Speaker: Awak boleh berchakap pada policy of the service mengikut Përoran, bila di-bawa pada General, sudah lain, bila awak mëlëtak atau tunjukkan satu² service ada service dihadapan ini yang kita hendak bahathkan.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: . . . jadi, Tuan Speaker, apa sebab lambat benar siap-nya Research berkenaan dengan sodium arsenite itu?

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud: Tuan Yang di-Përtua, saya memërhatakan dalam Bab Agriculture ini saya dapati berkenaan dengan Agricultural Assistants tidak ada satu pun kita menerima orang baharu atau pun sediakan Estimate-nya untuk pegawai baharu dan lain²-nya. Agricultural Assistant, Tuan Yang di-Përtua, sangat-lah mustahak kepada kita, terutama sa-kali di-kampong², oleh sebab ra'ayat pada masa ini hendak memileki tanah; maka dalam soal tanah itu hendak-lah di-përeksa oleh Agricultural Assistant, dan mengikut di-sini, Agricultural Assistant

bilangan-nya sangat-lah sedikit. Maka dengan itu mereka² ta' dapat-lah menjalankan pemeriksa tanah² itu yang patut di-luluskan pada peminta². Jadi saya berharap kalau sa-kira-nya tidak boleh menerima orang baharu, maka di-harap ada dalam timbangan Menterì Përtanian berkenaan dengan mëlëbuhkan lagi pegawai hal-ehwal Agricultural Assistant, sa-kian, Tuan Speaker.

Enche' Mohamed Dahari bin Haji Mohd. Ali: Tuan Yang di-Përtua, muka 44. Sub-head 29, saya ingin dapat tahu, Tuan Yang di-Përtua, tentang kemajuan. . .

Mr. Speaker: Apa Sub-head?

Enche' Mohamed Dahari: . . . tentang Final Phase of Development of Telok Bharu Coconut Station, muka 44. Sub-head 29. Saya ingin dapat tahu tentang ranchangan kemajuan menanam sa-mula pokok² kelapa, Yang Berhormat Menterì Përtanian sedia ma'alom bahawa Pantai Barat Kuala Sëlangor banyak pokok kelapa yang tua dan kebun² kelapa itu berkehendakan-lah sedikit bantuan menanam sa-mula pokok kelapa seperti juga pekebun² getah dapat bantuan. Jadi saya ingin mendapat penjëlasan sedikit berkenaan dengan kemajuan dalam ranchangan Kerajaan kita hendak menanam sa-mula pokok kelapa, itu sahaja, Tuan Yang di-Përtua.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Përtua, muka 42 dibawah Research Branch. Item No. 8. Maintenance of Soils' Water Station. Di-sini kita dapat mëlìhat bahawa adalah wang yang di-chadangkan pada tahun ini di-bawah Research Branch ini ia-lah sa-banyak \$112,600 apabila di-bandingkan dengan wang yang telah di-bëlanjakan pada tahun 1959 ia-lah \$201,990 juga di-bawah Agronomy Branch, kalau kita bandingkan bëlanja yang di-tëtapkan bagi tahun 1960 dapat-lah kita ketahuì bahawa-sanya ada-lah Kementerian Tanaman pada tahun ini tidak-lah begitu berat di atas perkara tanaman². Walhal sa-bagaimana yang kita ketahuì bahawa ada-lah negerì kita ini ia-lah negerì tanaman² atau Agriculture Country dan dua përtiga daripada penduduk

Tanah Melayu mendapat hasil daripada berchuchok tanam, dan juga apabila kita selideki di-atas kehidupan orang² kita di-kampung, dapat-lah kita ketahui, bahawa-sanya sakalian orang yang daripada dua pertiga penduduk Malaya ini mereka itu mendapat pendapatan duit yang sedikit dan mereka itu ada-lah under-unemployment. Ini ia-lah kerana nature atau pun kerana tabiat berchuchok tanam. Maka mereka itu sa-lama 6 bulan sahaja pada tiap² tahun bekerja dan pada masa yang 6 bulan lagi mereka itu tidak buat apa², jadi oleh sebab yang demikian ini-lah satu daripada sebab²-nya yang telah membawa kapada kemiskinan orang kita yang duduk di-kampung². Dan lagi satu pula kemiskinan mereka itu di-kampung ia-lah kerana fragmentation dan sub-division ia-itu tanah mereka itu di-bahagi² di-jadikan 1 ekar atau 2 ekar ini ia-lah kerana undang² pusaka yang berjalan dalam negeri kita ini.

Di-sini nampak-nya Kementerian Pertanian tidak-lah membuat satu chadangan bagaimana-kah hendak di-jadikan tanah² yang kecil itu supaya menjadi economic unit. Ini-lah penyakit bangsa kita penduduk di-Rural Areas nampak-nya.

Mr. Speaker: Saya fikir awak sudah keluar daripada perhabathan, mengikut Përtoran.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Oleh yang demikian, Tuan Speaker, saya chadangkan bahawa-sanya hendak-lah perkara pertanian ini, Menteri Pertanian memberi lebih² lagi pertimbangan-nya kapada perkara pertanian yang sedang berlaku dalam negeri kita, sakian-lah.

Che' Khadijah binti Sidik: Tuan Yang di-Pertua, di-muka 41 berkenaan College of Agriculture and Agricultural Schools. Saya suka bertanya kapada Menteri yang berkenaan ia-itu berapa-kah ramai-nya murid² wanita dan berapa-kah ramai-nya murid² wanita Melayu di-Maktab tersebut. Juga saya suka mengemukakan pertanyaan ia-itu apa-kah syarat diterima masuk ka-sëkolah itu dan ada-kah di-sharatkan yang mereka mesti

tahu berbahasa Inggeris yang mana tidak boleh di-tërima daripada Sekolah Kebangsaan Melayu. Sebab saya bertanya begitu kerana saya akan kemukakan sa-berapa yang boleh kahendak² penerimaan bagi murid² yang lulus Sekolah Kebangsaan Melayu, kerana wanita² kita kebanyakan-anak² yang datang dari kampung² dan wanita² ini-lah yang sa-bahagian besarnya dari pehak petani.

Jadi, kalau-lah mereka yang berhenti dari Sekolah Kebangsaan Melayu serta dapat meneruskan pelajaran-nya di-lapangan tersebut di-samping dapat di-kemukakan hal² pertanian kapada orang² kampung, maka dengan jalan itu-lah akan membawa hasil yang sangat besar bagi petani² di-kampung² yang sa-bahagian besar terdiri dari kaum² wanita.

Bërbalek kapada Item (105) Publication Officer. Saya berharap kapada Menteri yang berkenaan supaya mengadakan atau membanyakkan wanita² bekerja sa-bagai Publication Officer kerana wanita dapat memberi penerangan yang sa-jelas²-nya kapada wanita² di-kampung terutama sekali kapada kaum ibu yang lebih lekas menerima penerangan² dari kaum sa-jenis-nya. Sëkian, terima kaseh.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, di-muka 44, Sub-head 36 Medium Tractors and Implements, three. Saya suka bertanya bagaimana-kah Tractor² ini dan tidak-kah pehak Kementerian yang berkenaan dapat menguntukkan wang bagi Anggaran Përbelanjaan tahun 1960 supaya dapat di-tambah Tractor² itu. Saya fikir bahawa Tractor² ini dapat di-pinjamkan bagi fa'edah kegunaan orang² kampung.

Tuan Syed Jaafar bin Hasan Albar: Tuan Yang di-Pertua, muka berapa.

Mr. Speaker: Muka 44, Sub-head 36.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Medium Tractors and Implements, three.

Mr. Speaker: Medium Tractors and Implements, three. Jadi, ada-kah tuan hendak bertanya fasal apa untuk perbelanjaan itu?

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Saya hendak bertanya di-mana-kah Tractor² itu lagi dan ada-kah hendak di-tambah lagi bagi di-pinjamkan guna fa'edah kapada orang² kampung?

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, di-muka 43, Sub-head 22 Instructional Film. Saya perchaya bahawa Yang Berhormat Menteri Pertanian tentu-lah bermaksud di-adakan Film itu untuk memberi pengajaran kapada orang² kampung bagaimana hendak menjalankan usaha² pertanian. Saya berharap bahawa dapat-lah Film² itu di-buat mengikut dasar² atau pokok²-nya yang tertentu mengikut aliran-nya. Ini, saya fikir, tentu belum lagi di-adakan dan kalau ini berpanjangan maka orang² yang menengok Film² itu sangat-lah rugi. Kalau Film itu berupa pengajaran dan di-tunjokkan di-pandang² untuk orang ramai maka sa-olah² menjadi satu Film hiburan. Saya shorkan kapada Yang Berhormat Menteri Pertanian supaya ikhtiar di-adakan satu persatu bahawa Film² itu di-tunjokkan kapada mereka yang bersangkutan terutama sekali kapada petani². Orang² kampung sama ada lelaki atau perempuan yang berasa ingin menuntun hendak-lah di-berikan pertunjokan. Jadi, apabila di-adakan perbandingan hasil tanam²an sedikit sa-banyak maka tentu-lah banyak fa'edah² kapada orang² kampung. Tetapi saya perhatikan, pertunjokkan² di-tengah² padang walau pun di-tempat lapang, di-masa rehat-nya bagi mereka yang boleh di-katakan orang² kampung jarang mendapat pertunjokkan Film² itu. Saya perchaya kalau untuk menjadikan pertunjokkan instructional yang betul² berkesan maka hendak-lah di-adakan terus dengan dasar² yang tertentu dan orang² kampung yang menengok Film² itu dapat di-adakan record² supaya orang² di-situ memandang bahawa sa-olah² Film² itu ada-lah satu majlis pelajaran dan bukan majlis hiburan.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Sébè-rang Utara): Tuan Yang di-Pertua, muka 38 dan 39, Head 15, Item (33), (34) Senior Research Officers dan Item

(42) Experimental Officers. Saya nam-pak Menteri Pertanian ini tumpukan tenaga-nya kapada bahan² pertanian sahaja. Sakira-nya boleh, saya berharap pegawai² penyelidik itu; (sebab mereka ketahu² atas siasatan) boleh-kah tidak kita buat satu ranchangan menternak kerbau lembu dan kambing sa-chara besar²an yang mana negara kita ini mengharapkan daripada luar negeri khas-nya Indonesia dan Siam. Kalau Menteri Pertanian memikirkan shor saya ini elok, saya harap dapat-lah di-buat satu laporan untuk di-adakan tempat yang khas bagi seribu ekar tanah sa-bagai Pilot Scheme untuk di-tunjokkan tauladan kapada ra'ayat kita mengambil panduan supaya dapat di-galakkan bagi mereka itu membuat sechara Sharikat Kerja-sama atau chara Sharikat di-kampung². Ini ada-lah satu chara yang saya harap dapat perhatian Menteri Pertanian untuk di-timbangkan.

Mr. V. Veerappen: Mr. Speaker, Sir, I refer to page 40, College of Agriculture and Agricultural Schools, and I hope the Honourable Minister can enlighten the House as to how many such schools there are, what courses these schools provide, and what sort of students they take in.

Mr. V. David: Mr. Speaker, Sir, when talking about agriculture, I would like to know from the Honourable the Minister of Agriculture what amount of rice is being imported into this country, how far we have progressed in the field of growing rice in this country, and how long will it take for this country to attain self-sufficiency in rice.

Mr. Speaker: I do not think you can ask this question, because we are now debating on Head 15—Agriculture.

Mr. V. David: Thank you, Sir.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, di-muka 43, Sub-head 21 Expenditure in connection with Colombo Plan and United Nations Technical Assistance Administration Experts. Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah satu benda yang baharu saya dengar yang mana dahulu peruntukan wang sa-banyak \$100,000 tetapi sekarang ini peruntukan sa-banyak \$70,000. Jadi, oleh

karena banyak yang hendak di-belanjakan maka kali ini saya hendak bertanya tentang perbelanjaan itu, apa-kah lebih kurang kita ini berkenaan dengan hal itu.

Mr. Speaker: If no other member would like to speak I shall ask the Honourable Minister of Agriculture to reply.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Tuan Pengerusi, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bachok berkenaan dengan Research yang kita jalankan sekarang ini banyak bahagiannya, tetapi Research sahaja yang kita jalankan dan tidak pula di-adakan pendapat² Research. Research ini kita salurkan bagi pendapat² ini di-kampung² bagi perhubungan kepada orang² yang hendak menggunakan-nya. Kita akan mengembangkan dengan serta merta chara² saloran Research dan pendapat kita itu supaya dapat memberi faedah kepada orang² kampung. Ini yang dikatakan Extension of Service. Kita akan mengadakan satu Seminar yang besar untuk mengajar semua Pegawai² bagi semua negeri pada tahun hadapan supaya dapat di-adakan satu dasar bagi menjalankan Extension of Service itu.

Dan juga memang ada pada masa ini Agricultural Station atau Pusat² untuk Perhubungan di-merata² tempat, tetapi kedudukan orang² kampung atau Pak² Tani tidak begitu menggunakan tempat seperti itu. Jarang sangat Pak² Tani datang ka-Pusat itu untuk mengambil ilmu atau untuk bertanya hal² tersebut. Saya suka shorkan daripada hari ini supaya di-mana² ada Pusat Penyiasatan, Pak² Tani dapat datang ka-Pusat Pelajaran itu dan apa yang ada sekarang ini ia-lah tujuan dan maksud bagi mengadakan Pusat² Penyiasatan seperti itu.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu berkenaan dengan Sodium Arsenite yang mana memang kita telah mengadakan satu Jawatan Kuasa kira² dua tahun dahulu bagi menyiasat perkara² itu dan keputusan-nya telah pun di-ambil, tetapi hanya pehak² yang berkenaan seperti orang² yang membawa masuk sa-bagai pemborong Sodium Arsenite atau di-estate yang besar telah bersetuju mengharamkan dengan syarat memberi masa

selama 9 bulan supaya Sodium Arsenite yang ada itu boleh-lah di-gunakan sampai habis. Pesanan² bagi Sodium Arsenite yang baharu tak akan di-pakai sekarang ini.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Temerloh yang mana telah bertanya atas perkara Agricultural Assistant yang di-dapati bilangan-nya sangat kurang—sa-memang Pegawai² Agricultural Assistant yang kebanyakan-nya daripada Pegawai² Negeri yang menambahkan bilangan-nya. Saya suka menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa memang saya menggalakkan tiap² kali kepada Pegawai² Agricultural Assistant di-perbanyakkan dan jika tak banyak pula tentu tak boleh kita menjalankan tugas² yang dijalankan pada masa sekarang ini.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ia-itu memang banyak penyiasatan berkenaan dengan Kelapa yang mana telah di-jalankan daripada masa kira² dua tahun dahulu dan kita akan terus menjalankan ranchangan itu supaya memberi panduan kepada Pekarun² Kelapa Kechil. Ini mengikut seperti yang di-jalankan bagi Tanam Samula atau memperbaiki keadaan mereka itu dalam ranchangan lima tahun yang akan datang ini yang di-mulakan dalam tahun 1961.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir, kalau saya tak salah, berkenaan dengan Research dan Economy. Saya fikir bahawa jawapan yang sa-macam itu telah di-terangkan sa-bentar tadi, tetapi ada-lah Research ini bukan-lah pada tiap² tahun kita berkehendakkan kerana ini ada-lah soal wang yang sa-bagitu banyak dan kadang² kerana kita tidak berkehendakkan apa², tetapi apa yang kita dapat itu memadai-lah dalam masa dua tiga tahun. Kadang² jika kita berkehendakkan bagi menambah lagi Research dalam satu² perkara untuk perusahaan² tersebut.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Dungun, pada masa ini ada tiga penuntut wanita yang mengambil course besar selama tiga tahun di-Serdang College of Agriculture daripada jumlah 60 penuntut, kalau saya tak salah.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidik: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah tiga orang penuntut wanita sahaja atau ada yang lain² lagi?

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidik: rises.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Sabar dahulu. Bagi course sa-tahun atau 18 bulan daripada jumlah 80 penuntut, 12 daripada-nya penuntut wanita yang berkekelulusan Darjah VI Sekolah Melayu, tetapi bagi course yang pertama tadi di-kehendaki kelulusan Grade II Senior Cambridge sa-kurang²-nya kerana berkehendakkan Science. Berkenaan soal Publication Officer, memang Pegawai Publication Officer itu daripada wanita.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Bachok berkenaan dengan Tractor, kalau saya tak salah . . .

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Pasir Mas Hulu.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Ya, Pasir Mas Hulu, memang benar Tractor² itu sekarang ini sudah berubah keadaan-nya dari satu masa ka-satu masa. Tractor² itu bukan-lah Tractor² jenis yang sesuai, mithal-nya Tractor² yang telah di-pesan kira 10 atau 12 tahun dahulu barang² tersebut tak boleh di-gunakan lagi kerana Tractor² sekarang memakai benzine. Dengan sebab itu berkehendakkan perbelanjaan yang banyak, di-samping itu Tractor² sekarang ada-lah jenis² baharu yang boleh di-katakan sesuai sekali.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada-kah Tractor² yang sudah dipakai itu maseh ada di-simpan lagi? Yang kedua, sa-kira-nya ada, ada-kah Tractor² itu patut di-beri pinjaman kepada orang² kampong yang boleh di-katakan sesuai bagi kegunaan pertanian?

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Tidak-lah ada sekarang memberi Tractor² untuk di-pinjamkan kepada orang kampong, itu ada-lah tanggung jawab R.I.D.A.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat daripada Bachok atas film yang di-buat, memang chara² yang hendak di-hebahkan chara pertanian supaya dapat di-tunjokkan kepada bapak² tani seluruh negeri. Bukan kata umum tetapi ada-lah atas satu² jenis pertanian, mithal-nya chara menanam nenas dan sa-bagai-nya. Chara² bersawah yang habis modern di-adakan tetapi saya fikir masa ini belum lagi kita dapat menjalankan Extension of Service yang saya katakan tadi. Tetapi ta' berapa lama lagi kita akan adakan Undang² yang tertentu di-mana bapak² tani dapat-lah di-tempatkan pada satu tempat supaya dapat di-beri tunjok ajar berkenaan hal² pertanian.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat, Seberang Utara, soal-nya dalam Kepala 15, itu patut-nya di-jawab dalam Kepala berkenaan dengan Veterinary. Sa-benar-nya memang kita menggalakkan ternakan kambing dan lembu. Memang kita ada ranchangan yang akan di-jalankan ta' berapa lama lagi. Lembu² yang liar di-tepi² jalan-nya yang banyak di-luar bandar Kuala Lumpur dan juga dalam bandar Kuala Lumpur kita akan mengumpolkan pada satu tempat atau pusat berdekatan dengan bandar Kuala Lumpur di-mana kita akan mengadakan ranchangan untuk memerah susu dan sa-bagai-nya. Ini satu ranchangan yang akan di-jalankan serta dengan satu sharikat besar daripada luar negeri berkhidmat bersama dengan co-operative.

Berkenaan dengan kambing, memang-lah saya berani menerangkan hal kambing ini, saya di-sini dengan sukachita-nya menguchapkan berbanyak² terima kaseh kepada Kerajaan Indonesia yang baharu² ini telah menghadiahkan 30 ekor kambing jantan jenis Benggala. Tiga tahun dahulu masa saya dan juga Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita dalam lawatan muhibah ka-Indonesia memang-lah hendak chari tetapi dapat 30 ekor sahaja. Dengan lawatan muhibah baharu² ini daripada Perdana Menteri Dr. Djuanda baharu-lah kita dapat tahu; dalam masa sa-minggu sahaja dapat lagi 10 ekor baka yang baik sa-kali ia-itu baka Benggala.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, dahulu ada saya dengar bahawa lawatan Yang Berhormat Menteri Pertanian ka-Indonesia dia dapat 8 ekor kambing, ada-kah 8 ekor ini di-champorkan dengan 30 ekor itu jadi 38 ekor?

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Tidak benar saya ada terangkan 8 ekor (Ketawa).

Enche' Othman bin Abdullah: Dalam "Panduan Ra'ayat", saya terbaca ada mengatakan kita membawa 8 ekor daripada Bali untuk di-jadikan baka² kambing seluruh Tanah Melayu ini. Jadi, saya fikir 8 ekor mana-lah boleh cukup. Sekarang ini Menteri mengatakan ada di-tambah 30 ekor lagi kerana atas lawatan Dr. Djuanda ka-mari. Ada-kah dari 38 ekor atau bagaimana, Tuan Yang di-Pertua?

Minister of Agriculture: Saya sendiri ta' ada sebut 8 ekor. Sa-puloh ekor sahaja, ada.

In reply to my Honourable friend from the opposite bench on the question of agricultural schools, there are now three agricultural schools which give courses for students who would like to become Junior Agricultural Assistants in the Government Service. The intake is, I think, about 120 students a year.

In reply to my other friend, the Honourable Member for Bungsar, I am afraid I cannot remember now what was his question.

Mr. V. David: Mr. Speaker, Sir, I was just making an enquiry about rice production—I asked how long it would take to attain self-sufficiency in rice in this country.

Enche' Abdul Aziz: We are about 100,000 tons short just now. But this year, according to the latest Report of the Agricultural Department, after using the new method of planting and after using a lot of fertilisers—particularly urea—the increase in the areas where the fertilisers have been used, has been considerable. It has been the highest yield ever. Before this, Sir, we were short of 38 per cent towards self-sufficiency and we hope to be able to reduce this.

Question put, and agreed to.

The sum of \$3,588,271 for Head 15 ordered to stand part of the Schedule.

Head 16—

Enche' Abdul Aziz: Mr. Chairman, I do not propose to go into details unless I am asked to explain.

Mr. V. David: Mr. Chairman, under sub-head 1, item (3), Auditor and Accountant of Co-operative Societies, the amount provided for last year and the amount provided for the coming year has no difference. Again, on items 18 and 19, Travelling Audit Clerks and Malay Travelling Audit Clerks, respectively—the amounts for next year have been reduced compared with the current year. When I touch on this point, Mr. Chairman, I would like to stress that a lot of misappropriation has been done in certain co-operative organisations within district level and by reducing the amount of money for travelling expenses of the audit clerks, it will not help to promote efficiency and prevent misappropriations. Therefore, Sir, I would request the Minister concerned to give this matter his careful consideration.

Coming to sub-head 3, Co-operative Education, Other Charges Annually Recurrent, I notice that \$40,000 was provided for 1959 and for the coming year the amount is the same. I also notice that the provision for sub-head 8, Assistance to Co-operative College under Special Expenditure is the same for 1959 and 1960, i.e., \$90,880. I would request the Honourable Minister concerned to enlighten the House in what way education has been provided for the co-operative movement. Is it foreign education or local education? And as regards Assistance to Co-operative College, is this College under the full control of the Department of Co-operative Development or is it a College which is partly sponsored by the Co-operative Movement?

Che' Khadijah binti Mohamed Sidik: Tuan Yang di-Pertua, pada muka 46, Item 41, di-sini saya terbaca "Trengganu State Clerical Service", hanya peruntukan Estimate tahun 1960 sebanyak \$2,472 kalau di-bandingkan dengan "Selangor State Clerical Service \$6,943". Saya suka bertanya kepada Menteri yang berkenaan, kenapa-kah

bagitu sedikit di-bëri përuntohan wang kapada State Trëngganu dan apa-kah tidak dapat di-përbësarkan lagi kapada përuntohan Trëngganu supaya pëjalan-an usaha Co-operative dapat di-maju-kan dan ra'ayat di-sana akan lëkas mëndapat maju dan bër-këmbang di-dalam përusahaan Co-operative?

Mr. Lee San Choon (Kluang Utara): I wish to refer to Head 16, sub-heads 3 and 8, regarding Co-operative Education. I think, Mr. Speaker, such a sum is insufficient for Co-operative Education, especially in Malaya. In agricultural countries such as India and Ceylon and Burma, the Co-operative Movement is of paramount importance. In Malaya it is a new Movement, and I feel that the Co-operative Movement in Malaya shows a peculiar tendency. That is the Movement tends to be the privilege of a certain class. What I mean is that the Movement tends to be centred in the clerical class in the towns, whereas Co-operation is a movement which is most needed in the kampongs and villages. These are the places where the people need the Co-operatives most. I appeal to the Minister concerned to concentrate more in kampongs and villages as far as the Co-operative Movement is concerned. In one country where I have visited, for instance, there are more than 70 categories of Co-operative Societies, but in Malaya, we see such a sum being spent on the Co-operative Movement that I ponder that what has been achieved so far warrants such a sum of expenditure. Is it worth spending the money? Have we got to expand the Movement in order to achieve more? Mr. Speaker, I am very concerned about the Co-operative Movement in this country. . . .

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Mr. Speaker, the Honourable Member is talking on policy.

Mr. Speaker: We are not dealing with policy, but you can talk of the policy of the service.

Mr. Lee San Choon: Mr. Speaker, it just happened that I am glad to note that the money is being spent on Co-operative Education. I also take this opportunity of appealing to the

Minister concerned that should it be necessary, more money should be spent on the Co-operative Education not only to officers, Co-operative officers, marketing officers, but to the general public.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Përtua saya hëndak bër-chakap di-atas dasar përkhidmatan. Sa-tahu saya, Tuan Yang di-Përtua, hanya-lah Sharikat Kërja-sama-lah bagi mëm-bantu ra'ayat untuk mëm-bolehan ra'ayat itu mëm-gambil kë-untongan yang sa-bagitu banyak dari-pada hasil² nëgëri ini supaya tidak di-rëbut² kan oleh orang tëngah. Tuan Yang di-Përtua, di-Tanah Mëlayu ini, ada satu përkara yang saya minta Tuan Mëntëri yang bër-kaitan supaya mëm-përhatikan apabila di-jalankan Co-operative Movement di-satu² tëm-pat maka puak capitalist atau orang tëngah di-tëm-pat itu sudah tahu bahawa Co-operative yang bër-jalan itu tujuan-nya ada-lah bagi mëlëpaskan hak² orang yang mënjalankan Co-operative atau Sharikat Bëkërja-sama itu. Ini tidak boleh di-biarkan kërana këpëntingan orang tëngah atau gang-guan orang tëngah itu, Tuan Yang di-Përtua, akan mëm-gurbankan dua, tiga, ëmpat bulan dari këuntongan-nya supaya boleh mëm-atikan Sharikat Bëkërja-sama di-tëm-pat itu. Jadi, boleh-kah, Tuan Yang di-Përtua, Yang Bër-hormat Mëntëri yang bër-kënaan supaya di-adakan satu Undang² bër-sëndirian di-buat supaya jangan ada langkah² yang bër-lawanan kapada kë-pëntingan Sharikat Bëkërja-sama. Ini, Tuan Yang di-Përtua, tëntu-lah mër-upakan satu tégahan atas këbebaskan orang² di-dalam përkara ini. Tëtapi, Tuan Yang di-Përtua, kalau-lah Sharikat Kërja-sama ini tërbiar dëngan tidak di-kawal oleh Undang² dan di-biarkan orang² tëngah mëm-bëlanjakan wang hingga mëm-atikan përusahaan Sharikat Bëkërja-sama maka saya përchaya-lah bahawa Sharikat Bëkërja-sama ini tidak akan dapat maju, tërima kaseh.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Mr. Chairman, Sir, in reply to the Honourable Member from Bungsar, there is of course no increase in the salary

of the Auditor and Accountant because his salary is a fixed one—Super-scale H. On the question of the Audit Section of the Co-operative Department being strengthened, this is being done all the time. Courses are being given from time to time to officers, and also to officers of Co-operative Societies all over the country; in fact, courses are also being given at the Co-operative College at Petaling Jaya, and at the moment there is a course in session.

On the question of Co-operative College, of course the Co-operative College is run by a Board of Advisers, and the Chairman is the Commissioner himself. Originally, the first half of the College was built out of funds from societies, but the Government has put up an extension for the other half, so now it is run completely on Government lines, with a policy directed from the Ministry of Agriculture and Co-operatives.

Bagi menjawab Ahli Yang Bèrhor-mat dari Dungun, pèrkembangan Sharikat Bèkèrja-sama dari satu tempat ka-satu tempat, itu tèrpulang kepada sambutan Kèrajaan di-tèmpat itu, jikalau tidak ada sambutan tidak-lah boleh kita mèmbesar atau mèluaskan pèrkhidmatan itu.

In reply to the Honourable Member from Kluang Utara, of course Co-operative Education is very important. We carry out courses—this is also an additional reply to the Honourable Member from Bungsar—I forget what it is exactly, but the education is given not only to Co-operative Officers but to all officers in the Government Service—as many as possible. We get officers from the Agriculture Department, from the Drainage and Irrigation, from the Forestry, from the Fisheries, from District Officers, Assistant District Officers, and also penghulus and kampong leaders. If we are to have a definite policy on Co-operatives, everyone in the country must know something about Co-operatives; hence we have been doing that for the last three years. That is why we get very good backing from District Officers. In fact, even from Kelantan, in the last year or so,

State officials and the Assistant State Secretary voluntarily became students in the Petaling Jaya Co-operative College.

The basic course is of course rural co-operative and in fact we have increased the staff in the last three years by 400 per cent, and of course it depends very much on the reception of requests for expansion. But urban expansion at the moment is not so rapid as the rural.

Bagi menjawab Ahli Yang Bèrhor-mat dari Bachok memang-lah Co-operative bèrlawanan dèngan pèr-jalanan capitalist, tètapi saya fikir tidak-lah begitu sèsuai jikalau kita hèndak mèngadakan undang² untuk mènahan atau untuk mèngajar dèngan chara mèmbuat undang² supaya ahli Co-operative itu dapat bèrjalan dèngan baik. Chara hèndak mèngèmbangkan Co-operative ini ia-lah dèngan chara mèmberi pènèrangan yang chukup dan dèngan ada-nya pènèrangan yang chukup itu ahli²-nya sèndiri akan ta'at sètia kapada sharikat² yang mèreka mènjadi ahli-nya, jikalau mèreka kurang ta'at kapada sharikat², ini akan mèmberi pèluang kapada capitalist untuk masok mèmèchah-bèlahkan co-operative. . . .

Ènche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pèrtua, yang saya minta tadi bukan tètang ahli, ahli² itu orang kampong biasa, tètapi pèngaruh capitalist itu material influence yang ada pada tiap² capitalist yang mèn-yè-babkan ahli² itu tèrpesong. Jadi kalau ada undang², walau pun sadikit mèngawal Co-operative Service supaya jangan capitalist dèngan tètang² hèndak mèruntuhkan, kèrja itu saya minta-lah Tuan Mèntèri kita boleh dapat mèngawal pèrkara itu.

Ènche' Abdul Aziz bin Ishak: . . . di-tèmpat² pasaran mithal-nya di-nègèri Sèlangor, pasaran padi sudah di-jalankan, orang tètengah atau capitalist ta' dapat mènchèlah sama sa-kali. Oleh itu ada pun bèkas² capitalist dari orang kampong sèndiri tètelah di-buru kèluar dari kampong. Itu-lah tahun ini oleh kèrana kèmas dan chèkap-nya pasaran padi Nègèri Sèlangor ini, yang

masa dahulu-nya pasaran padi telah rugi tiap² tahun \$300,000-\$400,000 tetapi tahun ini bila Co-operative menjalankan-nya, bukan rugi tetapi untong \$20,000-\$30,000 baharu pertama kali dalam pasaran padi melalui Co-operative dapat di-jalankan.

Question put, and agreed to.

The sum of \$2,522,011 for Head 16 ordered to stand part of the Schedule.

Mr. Speaker: Sekarang sudah pukul 1 dan kita punya peruntokkan hari ini sudah habis, jadi Majlis ini di-tempohkan sa-hingga pukul 10 besok (Tepok).

Adjourned at one o'clock p.m.